

UMM / AA58/UM/26.05.1999/P: 6 (1-3)

Sukar kikis pengaruh dadah

um 26/5/99 6:1 HCA
Oleh DR. MAHMOOD NAZAR MOHAMED
[UNIVERSITI UTARA MALAYSIA]

DALAM ucapannya di mesyuarat pertama dengan para pegawai Majlis Dadah Kebangsaan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi antara lain menyatakan bahawa kerajaan bimbang dengan jumlah penagih berulang yakni yang kembali menagih setelah pemulihan seramai 4,165 orang bagi tempoh dari Januari hingga Mac tahun ini. Kenapa dan apakah sebab-sebab membuat golongan ini kembali menagih?

Rencana ini cuba memberi huraian kenapa pengaruh dadah itu sukar dikikis.

Satu ketika dahulu, pada tahun 70-an, ramai anak-anak muda ketagih kepada dadah kerana mereka sebenarnya tidak tahu apa itu dadah.

Mereka lihat kawan-kawan memasukkan serbuk putih dalam rokok dan menghisapnya dengan penuh kegirangan. Memandangkan mereka tidak tahu apa itu dadah dan apa kesan dadah, maka ajakan kawan-kawan ataupun orang yang tidak dikenali untuk sama-sama menghisap rokok diterimanya dengan senang hati.

Sekali-dua cuba dah tersangkut, maka jadilah anak remaja itu seorang penagih kepada dadah.

Lain pula halnya sekarang ini. Mereka tahu apa itu dadah dan ingin mencubanya. Mereka gunakan dadah untuk memberi ketenangan fikiran, ada juga yang guna dadah hanya untuk berseronok-seronok sahaja. Dalam pada mereka mencuba, mereka sedikit-sedikit akan ketagih terhadapnya.

Penagihan ialah perkataan yang sukar diterangkan tetapi mudah dialami oleh segenap lapisan manusia. Nenek yang tidak lalu makan tanpa 'sambal belacan' dan ulam; individu yang selalu telan aspirin atau ubat sakit kepala kerana tanpanya, sakit kepala beliau tidak boleh di atasi; pelajar yang tidak boleh belajar tanpa secawan kopi pada waktu malam; seorang peminat yang mesti mempertaruhkan wang di gelanggang kuda setiap kali ada perlumbaan; seorang pekerja yang tidak boleh berehat di rumah bersama keluarga kerana rindukan kerjanya di pejabat dan bermacam lagi, semuanya adalah contoh-contoh ketagihan.

Pendek kata, penagihan boleh berlaku kepada sesiapa yang menggunakan sesuatu bahan atau melakukan sesuatu perbuatan berulang kali sehinggakan ia menjadi sehati dengan kehendak, kemahuan, keperluan dan perbuatannya.

Penagihan bahan pula membawa maksud penggunaan sesuatu bahan secara berulang kali sehingga ia membina penggantungan terhadapnya. Remaja yang mula menghisap rokok mungkin tidak merasai kesannya kecuali batuk-batuk dan sakit dada, tetapi apabila satu dua bulan merokok, mereka mula gemar akan tabiat itu dan terus menerus merokok.

Pengalaman

Tambahan pula jikalau mereka merokok bersama-sama rakan sebaya, yang mana pengalaman itu menyeronokkan dan menggembirakan. Maka setiap kali dia berada dalam suasana muram, mungkin rokok yang menjadi ubat bagi masalah itu, dan dengan merokok dia mungkin melepaskan dirinya dari suasana muram.

Pada tahap ini, remaja itu dikatakan sebagai 'sudah bergantung' secara fizikal (gemar merokok kerana keenakan bahan nikotin) dan psikologikal (merokok untuk melepaskan diri daripada kemuraman serta kegusaran hidup) terhadap rokok.

Begitulah dengan bahan-bahan lain seperti tembakau, alkohol, ganja, pil-pil stimulan dan bahan opiat.

Ketagihan pada dadah pula adalah lebih serius kerana beberapa faktor. Dadah lazimnya dimaksudkan dengan bahan kimia psikoaktif, iaitu ia mempengaruhi sistem saraf manusia (otak dan saraf tunjang). Ia membawa kepada penggantungan fizikal dan psikologikal dengan cepat serta meninggalkan kesan yang ketara ke atas fungsi-fungsi asas manusia seperti tingkah laku, emosi, kognisi, sosial dan lain-lain.

Jenis-jenis dadah yang selalu dirujuk di negara ini adalah jenis opiat (heroin, morfin, candu, kodein), kanabis (ganja), depresen (atau dadah penekan seperti barbiturat), stimulan (dadah perangsang seperti amfetamin dan kokain) dan halusinogen (seperti LSD, meskalin dan PCP).

Dengan tembakau (atau rokok), ketagihan kepada nikotin selalunya berlaku setelah berbulan-bulan rokok dihisap secara berterusan, tetapi dengan dadah, ia boleh berlaku dalam jangkamasa yang pendek.

Seperti juga dengan penagihan lain, mereka yang ketagih kepada dadah akan mengalami penggantungan fizikal dan psikologikal.

Penggantungan fizikal terhadap dadah bermakna tubuh badan penagih secara berterusan memerlukan dadah untuk proses fisiologi yang lazim. Tanpa dadah, penagih akan mengalami sindrom tarikan seperti sakit-sakit badan dan sendi, sakit perut, muntah, cirit-birit, menggeletar dan sebagainya. Lebih banyak dos dadah yang biasa digunakan, lebih kuat sindrom tarikan yang dialami oleh penagih.

Bagi mereka yang ketagih kepada rokok, sindrom tarikan selalunya dalam bentuk resah gelisah, menggigil dan berpeluh, tanpa sakit badan yang teruk seperti yang dialami oleh penagih dadah.

Oleh yang demikian, penggunaan dadah tidak boleh dihentikan oleh penagih. Setiap kali penagih cuba berhenti daripada mengambil dadah, dia akan mengalami sindrom tarikan yang amat menyakitkan. Untuk menghilangkan rasa sakit, dadah perlu diambil.

Pemulihan

Dalam rawatan dadah, pemulihan yang pertama ialah untuk menghilangkan penggantungan fizikal. Ini dilakukan secara *cold turkey*, tanpa bantuan apa-apa dadah alternatif. Penagih akan dikurung untuk 7-14 hari dan pada masa ini dia akan mengalami sindrom tarikan secara berulang kali. Setiap kali terasa kesakitan, penagih akan mandi air sejuk untuk menghilangkan rasa sakit. Kaedah ini dikenali sebagai detoksifikasi atau dengan istilah yang lebih popular, *detox*. Terjemahan perkataan ini membawa maksud membuang racun-racun (toksin) di badan. Selepas menjalani *detox* selama dua minggu, penagih sudah bersedia untuk menjalani pemulihan lain.

Penggantungan kedua berbentuk psikologikal. Ini adalah perasaan gila, inginkan dadah supaya ia dapat memberi ketenangan jiwa kepada mereka. Bekas-bekas penagih sering kali menggunakan frasa 'rindu kepada dadah', itu sejenis kerinduan lebih teruk daripada merindui kekasih.

Sejak kebelakangan ini, ramai di kalangan mereka yang menggunakan dadah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya (45%) dan kerana ingin tahu (26%).

Sebilangan lagi ingin mencari keseronokan (22.5%) dan mengatasi tekanan jiwa (5.2%). Ini bermakna penggunaan dadah bukan lagi berbentuk *accidental*, tetapi bertujuan dan bermotif.

Kalau dengan rakan sebaya, ia lebih ke arah menikmati keseronokan bersama, melupakan masalah dan menghilangkan tension. Bagi yang ingin tahu, mereka lazimnya akan terpaut dengan keseronokan rasa dan pengalaman dengan dadah, dan bagi kelompok yang menggunakan dadah kerana ingin mengatasi tekanan jiwa, mesej yang diperoleh ialah 'dadah berupaya menghilangkan semua tekanan'. Ini bermakna, apabila mahukan keseronokan, menghilangkan masalah atau menikmati keenakan, dadah adalah jawapannya dan tanpa dadah, mereka tidak tahu cara lain untuk mencapai matlamat berkenaan.

Dalam erti kata lain, penggantungan psikologikal terhadap dadah akan membinasakan kebolehan seseorang itu untuk berhadapan dengan masalah, situasi atau suasana dengan cara yang produktif, kerana apa yang mereka harapkan hanyalah dadah.

Dalam pemulihan penagihan, setelah menjalani *detox*,

penagih selalunya akan diajar semula cara-cara untuk mengatasi masalah, untuk berlawan dengan nafsu dan keinginan primitif dalam diri, untuk tidak sentiasa menyerah kalah, untuk menyatakan bahawa mereka ini boleh berdikari, untuk kata TIDAK kepada dadah dan berbagai yang lain.

Dalam erti kata lain, harga diri mereka perlu ditingkatkan dan keyakinan diri serta sahsiah yang sihat dibentuk. Rawatan aspek ini yang memakan masa yang panjang. Yang selalunya gagal ialah apabila penagih yang belum menerima pemulihan psikologikal sepenuhnya sudahpun dibebaskan, lantas pengaruh kawan daripada persekitaran dan kawan-kawan lama akan mempengaruhi mereka dengan mudah untuk mengguna semula dadah.

Tambahan pada penggantungan fizikal dan psikologikal, penggunaan dadah secara berterusan akan juga menyebabkan daya tahan atau toleransi kepada dadah untuk meningkat. Ini bermakna dos dadah yang biasa diamal (katakan 1 tiub sehari) sudah tidak dapat memberi kesan yang sama (seperti kepuasan) atau menahan individu daripada kesakitan akibat sindrom tarikan.

Kepuasan

Sekarang, penagih itu mungkin perlukan 2 tiub sehari untuk mengecapi kepuasan yang sama seperti 1 tiub yang diambilnya 2 bulan dahulu. Walaupun peningkatan daya tahan ini tidak semestinya berlaku, namun, pengalaman ramai bekas penagih mengatakan bahawa dos mesti ditambah sekurang-kurangnya sekali setiap dua atau tiga bulan.

Berbeza dengan penagihan kepada bahan-bahan lain yang dinyatakan awal tadi, mereka yang ketagih kepada dadah akan mengalami perkara-perkara berikut:

- Dadah menjadi keperluan terpenting dalam hidup, mengatasi keperluan makan dan minum.

- Semua sumber yang ada akan digunakan untuk mendapatkan dadah. Seandainya sumber untuk biayai dadah kehabisan, maka aktiviti-aktiviti lain (selalunya yang salah dari segi undang-undang) dilakukan untuk memelihara bekalan dadah.

- Semua masa dan tenaga digunakan untuk memenuhi keperluannya dengan cara mencari dan memastikan bekalan yang mencukupi.

- Tidak mengendahkan pandangan orang lain tentang tabiat, tingkah laku atau sifatnya. Ketagihan menjadi keterlaluan hinggalah tiada lain yang diperlukan kecuali dadah.

Itulah senario ringkas mengenai penagihan dadah. Kesukaran untuk mengikis tabiat ini amatlah sukar sekali dan boleh dikatakan sebagai mustahil apabila penggunaan dadah menjadi terlalu serius.

Mereka yang berjaya dirawat atau dipulihkan lazimnya adalah di kalangan pengguna baru (*experimental*), yang belum lagi sebatih dengan dadah.

Bagi penagih yang telah menggunakan dadah melebihi 10 tahun, lazimnya mereka tidak lagi mengendahkan keselamatan jangkitan virus HIV. Ramai yang berkongsi jarum suntikan dan melaluinya, akan terjangkit AIDS. Sebilangan besar meninggal dunia akibat AIDS.

Jikalau tidak terkena AIDS sekali pun, penagih yang terus menerus menagih dadah akan membunuh dirinya sedikit demi sedikit. Penggunaan heroin, umpamanya, dalam dos yang kecil membawa kesan nikmat yang digemari penagih tetapi apabila menggunakan dos yang lebih besar, boleh menyulitkan pernafasan dan membawa maut. Ramai juga penagih yang meninggal dunia kerana penggunaan secara berlebihan.

Seriusnya penagihan dadah ialah seandainya tidak dirawat dengan secepat mungkin, yang pasti ialah mereka akan menemui maut dalam masa yang terdekat. Semuanya kerana ke-enakan dan enforia keduniaan yang tidak dapat ditinggalkan.